

Terma dan Syarat

1. Peraduan “Barulah Raya 2024” [“Peraduan”] akan berlangsung dari 1hb Mac 2024 hingga 30hb Apr 2024 [“Tempoh Peraduan”]. Ajinomoto (Malaysia) Berhad [“Pihak Penganjur”] berhak untuk memendekkan atau memanjangkan Tempoh Peraduan tanpa sebarang notis. Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan.
2. Peraduan ini terbuka kepada semua peserta yang berumur 18 tahun dan ke atas (pada 1hb Mac 2024) yang merupakan pelanggan prabayar dan/atau pasca bayar telco di Malaysia kecuali kakitangan Pihak Penganjur dan ahli-ahli keluarga terdekat mereka, pengedar-pengedar, agensi-agensi pengiklanan dan promosi Pihak Penganjur.
3. Untuk menyertai Peraduan:
 - a) Para peserta perlu mengimbas kod QR atau pergi ke smartcooking.com.my.
 - b) Cuba (satu atau lebih) enam (6) resipi Raya;
 - Laksa Goreng
 - Rendang Daging
 - Nasi Serai
 - Sambal Goreng Jawa
 - Ayam Masak Ros
 - Rempeyek Mini
 - c) Tangkap satu (1) gambar menunjukkan peserta siap memasak salah satu atau lebih resipi raya tersebut.
 - d) Muat naik gambar dan tinggalkan ulasan pada resipi yang dicuba.
 - e) Pihak Penganjur dan syarikat-syarikat yang terlibat dalam Peraduan ini tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan, kegagalan penghantaran dan/atau gangguan ulasan dan syarikat-syarikat ini juga tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang penggunaan butiran pelanggan yang tidak dibenarkan sepanjang Peraduan ini.
4. Pemilihan pemenang-pemenang:
 - a. Pemenang-pemenang akan dipilih oleh sistem berdasarkan penyertaan secara rawak.
 - b. Pemenang dwi-mingguan akan dipilih pada setiap dua (2) minggu sehingga tarikh tamat peraduan.
 - Dwi-Minggu pertama: 1 Mac - 15 Mac 2024
 - Dwi-Minggu kedua: 16 Mac - 29 Mac 2024
 - Dwi-Minggu ketiga: 30 Mac - 12 Apr 2024
 - Dwi-Minggu keempat: 13 Apr - 30 Apr 2024
 - c. Pemenang hadiah utama, kedua dan ketiga akan dipilih selepas tamat tempoh keseluruhan peraduan.
5. Nota untuk pemenang:
 - a. Para pemenang hadiah utama yang layak kemudian akan dihubungi melalui telefon/emel dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu selepas 30hb Apr 2024, manakala para pemenang hadiah dwi-mingguan yang layak akan dihubungi dalam dua (2) minggu selepas pengumuman pemenang dwi-mingguan dibuat. Sekiranya peserta tidak dapat dihubungi pada cubaan pertama, contohnya, tidak menjawab telefon, nombor telefon tiada dalam perkhidmatan, tiada sambungan, dan lain-lain, tiga (3) cubaan lain akan dibuat lagi dalam tempoh 24 jam yang berikutnya selepas cubaan pertama. Sekiranya percubaan-percubaan ini tidak berhasil, kelayakan peserta akan dibatalkan. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya peserta-peserta tidak dapat dihubungi atas sebarang sebab.

- b. Para pemenang yang layak dikehendaki untuk mendaftar sebagai ahli smartcooking.com.my. Sekiranya gagal, pihak Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakannya dan memilih peserta seterusnya sebagai pemenang.
 - c. Nama para pemenang akan dikumpul dan diumumkan oleh pihak Penganjur di laman web smartcooking.com.my serta laman sosial rasmi kami di Facebook dan Instagram @Ajinomoto MY Foodie.
 - d. Penyertaan berganda dibenarkan untuk setiap peserta tetapi setiap penyertaan perlu unik dengan gambar dan ulasan yang berbeza.
 - e. Tarikh pengumuman pemenang adalah seperti berikut:-
 - Dwi-Minggu pertama: 28 Mac 2024
 - Dwi-Minggu kedua: 11 Apr 2024
 - Dwi-Minggu ketiga: 25 Apr 2024
 - Dwi-Minggu keempat: 9 May 2024
 - Hadiah utama, hadiah kedua & hadiah ketiga: 17 May 2024
6. Hadiah-hadiah Peraduan:
- a. Hadiah Utama x 5 unit: LIMA (5) UNIT Pin Tambah Nilai Touch 'N Go bernilai RM1,000 + 1,000 Smart Points untuk setiap pemenang.
 - b. Hadiah Kedua x 5 unit: LIMA (5) UNIT Pin Tambah Nilai Touch 'N Go bernilai RM500 + 1,000 Smart Points untuk setiap pemenang.
 - c. Hadiah Ketiga x 5 unit: LIMA (5) UNIT Pin Tambah Nilai Touch 'N Go bernilai RM200 + 1,000 Smart Points untuk setiap pemenang.
 - d. Hadiah Dwi-Mingguan x20 dwi-minggu: DUA PULUH (20) UNIT Pin Tambah Nilai Touch 'N Go bernilai RM50 + 1,000 Smart Points untuk setiap pemenang. Terdapat EMPAT dwi-mingguan sepanjang kempen berlansung. Terdapat hanya LIMA (5) pemenang setiap dwi-minggu.
 - e. Kesemua hadiah mesti dituntut dalam tempoh tiga puluh (30) hari selepas tarikh pengumuman kemenangan hadiah. Sekiranya Pihak Penganjur mengadakan upacara majlis penyampaian hadiah, setiap pemenang dikehendaki untuk menghadiri atas perbelanjaan sendiri untuk menuntut hadiah. Hadiah-hadiah yang gagal dituntut tiga puluh (30) hari selepas tarikh pengumuman, maka hadiah akan dilucutkan oleh Pihak Penganjur secara automatik.
 - f. Setiap peserta hanya layak untuk memenangi satu (1) hadiah sahaja sepanjang Tempoh Peraduan.
7. Pihak Penganjur berhak atas budibicara mutlaknya untuk menambah atau mengurangkan bilangan hadiah atau menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah-hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang notis. Semua hadiah tidak boleh ditukar milik, tidak boleh dikembalikan dan tidak boleh ditukar untuk wang tunai atau apa-apa format atas sebarang sebab.
8. Para pemenang akan menanggung liabiliti dan tanggungjawab sepenuhnya jika berlaku sebarang kemalangan, kecederaan, kerosakan kepada barang atau tuntutan akibat penyertaan dalam Tempoh Peraduan ini.
9. Dengan menyertai Peraduan ini, peserta memberi keizinan untuk memberi maklumat peribadinya dan Pihak Penganjur berhak menyiarkan, menggunakan nama dan/atau gambar pemenang serta penyertaan mereka untuk tujuan publisiti, pengiklanan dan/atau perdagangan tanpa sebarang bayaran pampasan mahupun pemberitahuan dan setiap peserta melepaskan hak untuk membuat sebarang tuntutan ke atas penggunaan penyertaan tersebut oleh Pihak Penganjur.

10. Dengan menyertai Peraduan ini, setiap peserta harus bersetuju untuk mematuhi Terma dan Syarat Peraduan yang ditetapkan serta segala keputusan muktamad Pihak Penganjur.
11. Pihak Penganjur berhak untuk meminda, membatalkan atau mengubahsuai Terma dan Syarat Peraduan atau membatalkan Peraduan ini tanpa memberi sebarang notis terlebih dahulu dan para peserta dianggap telah bersetuju dengan segala perubahan tersebut .
12. Keputusan Penganjur adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat, rayuan atau bantahan tidak akan dilayan. Peserta mengaku janji tidak akan menuntut atau mengambil apa-apa tindakan terhadap Penganjur mengenai Peraduan ini.
13. Pihak Penganjur mengumpul maklumat peribadi yang boleh dikenal pasti untuk memberi perkhidmatan-perkhidmatan atau untuk berhubung dengan peserta. Maklumat ini disimpan oleh Pihak Penganjur dalam kaedah yang sesuai dengan data tersebut dan digunakan untuk memenuhi permintaan peserta. Dengan mengemukakan maklumat peribadi peserta, pihak Penganjur menganggap bahawa keizinan telah diberi kepada Pihak Penganjur dan/atau agen-agen yang dilantik olehnya untuk menggunakan maklumat ini untuk tujuan pemasaran dan promosi yang kini dan di masa hadapan serta untuk menambahbaikkan produk-produk dan perkhidmatannya. Maklumat peserta tidak akan diberi atau dikongsi dengan syarikat-syarikat/rakan-rakan lain untuk kegunaan bebas mereka.

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

Notis Di Bawah Seksyen 7 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“PDPA”) kepada peserta Peraduan “Barulah Raya 2024” anjuran Ajinomoto (Malaysia) Berhad.

Pengguna yang dihormati,

Di bawah PDPA, terdapat beberapa syarat yang mengawal pemprosesan data peribadi anda sebagai individu (“Individu”). Ia memaklumkan Individu tentang hak-hak anda di bawah PDPA, termasuk tindakan yang boleh diambil oleh Individu untuk melaksanakan hak-hak tersebut dan akibatnya, dan secara khususnya:-

- (a) Bahawa kami [“Penganjur”] mengumpul data peribadi daripada penyertaan anda;
- (b) Data peribadi Individu dikumpul untuk Peraduan;
- (c) Individu mempunyai hak untuk mengakses dan membetulkan data peribadi anda;
- (d) Data peribadi Individu akan dikongsi dengan Agensi yang dilantik untuk tujuan pemprosesan;
- (e) Data peribadi Individu akan diguna untuk tujuan Peraduan sahaja;
- (f) Data peribadi yang diminta adalah wajib, dan jika maklumat yang diberikan tidak lengkap, penyertaan Individu tidak akan diterima;
- (g) Sekiranya Individu telah disahkan sebagai Pemenang, sebarang perubahan kepada data peribadi individu harus dimaklumkan kepada Penganjur; dan

Sekiranya Individu mempunyai pertanyaan atau ingin memberi maklum balas, anda boleh berhubung dengan kami melalui talian +6016 363 0118 dari Isnin hingga Jumaat, dari pukul 10.00 pagi sehingga pukul 1.00 petang, dan pukul 2.00 petang sehingga pukul 5.00 petang.